

GARIS PANDUAN PERMOHONAN BARU LESEN BAS PERSIARAN BAGI NEGERI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

1. Syarat permohonan

- a. Pemohon mesti mempunyai **lesen perniagaan pelancongan dalam negeri** yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Pelancongan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.
- b. Usia kenderaan yang hendak dilesenkan mestilah berusia **tidak melebihi 13 tahun** dari tarikh;
 - i. Tahun diperbuat bagi kenderaan import terpakai
 - ii. Tarikh pendaftaran bagi kenderaan pemasangan tempatan
- c. Menyediakan **kemudahan tempat letak kenderaan (depoh)** yang bersesuaian. Pemeriksaan depoh akan dilakukan sebelum kenderaan dilesenkan.
- d. Sebarang **kompaun** mestilah dijelaskan sebelum permohonan dapat diproses (Jika ada).

2. Dokumen yang diperlukan

- a. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang 1 (Subperaturan 3(1))**.
 - b. **Butir-butir Pemegang Saham** - Salinan borang 24 Peraturan-Peraturan Syarikat 1966 yang diperakui oleh Pendaftar Syarikat.
 - c. **Butir-butir Lembaga Pengarah** – Salinan borang 49 Peraturan-Peraturan Syarikat 1966 yang diperakui oleh Pendaftar Syarikat.
 - d. **Depoh** - Mengemukakan Dokumen seperti perjanjian sewa tanah atau geran (tanah persendirian) atau surat kebenaran (daripada mana-mana pihak yang berkenaan)
3. Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pelesenan Pelancongan melalui Pejabat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia Negeri yang berkenaan.
 4. **Fi proses RM 50.00** bagi setiap permohonan dalam bentuk Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan.
 5. Permohonan yang tidak lengkap, pemohon dikehendaki mengemukakan **dokumen sokongan** yang ditetapkan dalam tempoh **14 hari**.

6. Sekiranya diluluskan, Kementerian akan mengeluarkan **Surat Kelulusan Bersyarat (tempoh sah laku enam bulan)** bagi tujuan melesenkan kenderaan.
7. Piagam Pelanggan: **10 hari** dari tarikh permohonan lengkap.

8. Dokumen sokongan

- a) Salinan penyata kewangan beraudit terkini
- b) Salinan penyata bank bagi 3 bulan terkini
- c) Statistik pelancong yang diuruskan bagi tempoh 3 bulan terkini.
- d) Salinan invois penyewaan bas persiaran dari syarikat lain bagi tempoh 3 bulan terkini.
- e) Senarai pemilikan lesen bas persiaran yang telah dimiliki.
- f) Salinan kemudahan kewangan (Surat sokongan bank / pinjaman / simpanan tetap / overderaf)
- g) Anggaran harga kenderaan yang hendak dibeli.
- h) Bukti tempahan / pemilikan kenderaan (Salinan kad pendaftaran kenderaan / resit tempahan / resit bayaran pendahuluan)

BAHAGIAN PELESENAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA
26 JUN 2015